

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH**  
**KAWASAN : BESUT**

**SOALAN :**

**YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini cadangan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) dari Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan khasnya berkaitan model pelaksanaan dan jangkaan tarikh mula.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Kemungkinan Awalan projek LPT 3 ini telah disiapkan oleh Kementerian ini pada tahun 2009. Hasil daripada kajian tersebut, cadangan jajaran yang dipilih ialah dari Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 km. Jajaran ini akan melibatkan 3 daerah di Terengganu (Kuala Terengganu, Setiu, dan Besut) dan 5 daerah di Kelantan (Pasir Putih, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas, dan Tumpat).

Pihak Kementerian akan memohon dengan agensi pusat supaya projek LPT 3 ini dapat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kedua-Belas (RMK-12).

Sekian, terima kasih.